

TARIKH : 1 APRIL 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 37

Buka sempadan percepat pulih ekonomi, pekerjaan

Buka sempadan percepat pulih ekonomi, pekerjaan

Kerajaan tetap waspada kesan cabaran global akibat krisis geopolitik, perubahan iklim

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pembukaan semula sempadan antarabangsa akan membawa lebih banyak impak positif kepada aktiviti berkaitan pelancongan serta pasaran buruh yang boleh mengatasi isu kekurangan pekerja dalam industri tertentu, kata Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Beliau berkata, ekonomi Malaysia terus berada di landasan pemulihan meskipun dalam keadaan tidak menentu seperti digambarkan melalui Indeks Pelopor (IP) yang secara konsisten melebihi 100.0 mata dengan mencatatkan 110.1 mata pada Januari 2022.

"Walaupun Malaysia kekal optimis ke arah pemulihan ekonomi, kita harus berwaspada dengan ketidakpastian global yang berterusan susulan ketidakstabilan geopolitik dan sekatan pergerakan penuh yang berlaku di bandar seluruh China," katanya dalam satu kenyataan.

Kenyataan dikeluarkan sempena penerbitan Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 3/2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

Mengulas mengenai situasi sosioekonomi semasa, Mohd Uzir berkata, di sebalik pandemik yang masih berlanjutan, kebanyakan negara telah melonggarkan lang-



Pembukaan sempadan negara mulai hari ini memacu aktiviti pelancongan selepas terjejas teruk akibat pandemik. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

kah pembendungan penularan COVID-19.

Bagi Malaysia, katanya, seluruh negeri telah memasuki fasa akhir Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Januari 2022.

"Berdasarkan perkembangan terkini, aktiviti sosioekonomi terus rancak seperti ditunjukkan dalam indikator ekonomi jangka pendek pada Januari 2022.

"Walaupun begitu, cabaran global seperti bencana berkaitan iklim, krisis geopolitik yang berterusan dan gangguan rantaian bekalan dijangka akan memberi kesan kepada inflasi Malaysia," katanya.

Dari sudut sektor luaran, beliau berkata, jumlah perdagangan negara terus berdaya tahan dengan mencatatkan peningkatan dua angka sebanyak 24.8 peratus kepada RM203 bilion daripada RM162.6 bilion pada Januari 2021.

"Eksport melonjak 23.5 peratus kepada RM110.7 bilion, lebih tinggi daripada nilai import yang meningkat 26.4 peratus dengan merekodkan RM92.3 bilion, seterusnya membawa kepada lebihan dagangan berjumlah RM18.4 bilion, naik 10.9 peratus daripada tahun sebelumnya," katanya.

Mengulas mengenai senario

pasaran pekerjaan, beliau berkata, situasi tenaga buruh bertambah baik pada Januari 2022 dengan bilangan tenaga kerja meningkat 346,600 orang atau 2.2 peratus kepada 16.37 juta orang, berbanding Januari tahun lalu di mana pasaran buruh berada dalam keadaan mencabar.

"Bilangan penganggur juga terus berkurang sebanyak 1.1 peratus kepada 680,400 orang, mencatatkan kadar pengangguran 4.2 peratus," katanya.

Sementara itu, Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembangan Malaysia (MATTA) melihat pembukaan sempadan negara mulai hari ini bakal memacu aktiviti pelancongan domestik selepas terjejas teruk akibat pandemik, sekali gus mengembalikan semula industri itu sebagai antara 10 penyumbang utama ekonomi negara.

Setiausaha Agung MATTA, Mohammad Faez Mohamad Fadhlillah, berkata pembukaan semula itu bakal menghidupkan semula industri yang terkesan, seterusnya mendorong kepada pertumbuhan positif sektor pelancongan negara.

Katanya, langkah pembukaan itu bakal menghidupkan semula industri yang terkesan, seterusnya mendorong kepada pertumbuhan positif sektor pelancongan negara.

Berdasarkan perkembangan terkini, aktiviti sosioekonomi terus rancak seperti ditunjukkan dalam indikator ekonomi jangka pendek pada Januari 2022



Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

Dengan pembukaan sempadan negara, kita jangka ia mampu melonjak kemasukan pelancong, seterusnya merangsang ekonomi domestik

Mohammad Faez Mohamad Fadhlillah
Setiausaha Agung MATTA



"Dengan pembukaan sempadan negara, kita jangka ia mampu melonjak kemasukan pelancong, seterusnya merangsang ekonomi domestik," katanya.

Beliau berkata demikian semalam, selepas majlis pengumuman rakan usaha sama MATTA Fair yang berlangsung 9 hingga 10 April ini.